8. Siklon tropika merupakan fenomena cuaca berkaitan dengan
A banjir
B ribut
C puting beliung
D hakisan pantai

9. Apakah pertanian utama di lembangan Chang Jiang?
A Padi
B Teh
C Gandum
D Barli

## 7.6 Zon Iklim Panas

Buku Teks: m.s. 116 – 117

10. Pernyataan yang manakah menunjukkan Iklim Gurun Panas?
A Angin Timuran yang kering
B Siklon tropika dari Lautan Pasifik
C Angin sejuk di kawasan pantai
D Angin Baratan pada musim panas

## Soalan Subjektif

*Jawab* semua *soalan.*

## 7.1 Kepelbagaian Iklim di Asia

Buku Teks: m.s. 106

1. Nyatakan jenis-jenis iklim yang terdapat di zon panas sederhana. TP1

(a) ____________ (b) ____________ (c) ____________

## 7.2 Ciri Iklim Mengikut Zon di Asia

Buku Teks: m.s. 107 – 109

2. Lengkapkan rajah di bawah berdasarkan zon iklim, iklim dan contoh negara yang mengalami iklim tersebut. TP2

| Zon Iklim | Iklim | Contoh Negara |
|---|---|---|
| (a) | Tundra | Utara Rusia |
| Sejuk sederhana | (b) | Kawasan Siberia di Rusia |
| | (c) | (d) |
| Panas sederhana | Mediterranean | Turki, Lubnan dan Syria |
| | (e) | (f) |
| | China | Tengah dan selatan China, Korea Selatan, selatan Jepun dan utara Taiwan |
| Panas | Gurun panas | (g) |
| | (h) | India, Laos, Myanmar dan Thailand |
| | (i) | (j) |

Bab 7


TP1 Menguasai Belum menguasai TP2 Menguasai Belum menguasai

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

3. Dengan melayari Internet, jelaskan kegiatan ekonomi bagi negara Turki yang mengalami iklim Mediterranean. TP 4 KBAT Menganalisis

Negara Turki mengalami iklim Mediterranean di mana musim panasnya ______ panas, iaitu 20 hingga 24 darjah C . Musim sejuknya juga sederhana sejuk, iaitu antara 6 - 10 darjah C. Jumlah hujan yang diterima pula ialah antara 275 mm hingga 900 mm. Iklim Mediterranean yang dialami oleh negara Turki membolehkan aktiviti ______ hazelnut, ceri, aprikot, delima, bawang dan zaitun. Turki menhasilkan 9.4% hasil pertanian kepada negara.

Industri lain yang turut berkembang ialah sektor ______. Turki menjadi saingan hebat kepada Itali, Yunani dan Sepanyol dalam Industri pelancongan.

pelancongan | pertanian | sederhana

## 7.3 Zon Iklim Sejuk

Buku Teks: m.s. 110 – 111

4. Jelaskan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk yang mengalami iklim Tundra. TP 3

| Iklim | Kegiatan Ekonomi |
|---|---|
| Tundra<br><br>salmon<br>pelita<br>buruan<br>sendiri | 1. **Perikanan**<br>Ikan yang ditangkap adalah untuk keperluan ______. Antara ikan yang ditangkap ialah ikan paus, ikan kod dan ikan ______<br>**2. Pemburuan**<br>Hasil ______ ialah walrus, serigala dan rusa kutub (karibu). Hasil buruan penting untuk mendapatkan daging, tulang dan kulit. Daging penting untuk makanan, kulit untuk membuat kayak, khemah dan pakaian. Tulang digunakan untuk membuat rangka khemah dan lemak untuk menyalakan ______ serta memanaskan iglu |

## 7.4 Zon Iklim Sejuk Sederhana

Buku Teks: m.s. 112 – 113

Iklim Laurentia merupakan zon iklim sejuk sederhana, iaitu kawasan yang mengalami empat musim. Selain itu, penduduknya turut menjalankan kegiatan perikanan secara komersial terutama di Jepun. Terdapat pelabuhan perikanan di Jepun, iaitu di Hakodate, Wakkanai dan Kushiro.

5. (a) Apakah ciri-ciri suhu iklim Laurentia? TP 2

Min suhu tahunan antara 9 -17 darjah C. Suhu sederhana panas dan ______ iaitu antara 21 - 26 darjah C. Suhu musim sejuk sangat sejuk, ______ dan kering, iaitu (-6) hingga 10 darjah C. Julat suhu tahunan 20 - 30 darjah C.

singkat | panjang

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

(b) Nyatakan pengaruh iklim Laurentia terhadap kegiatan manusia. TP3

Pengaruh iklim **Laurentia** terhadap kegiatan manusia adalah seperti berikut :
Suhu musim panas 20 darjah C dan Suhu 10 darjah C sesuai untuk penanaman ______, kentang, sayur-sayuran dan buah-buahan.Hujan tahunan kira-kira 1000mm menggalakkan pertumbuhan tanaman.

Terdapatnya aktiviti penangkapan ikan untuk pasaran tempatan dan luar negara. Laut di sekeliling Jepun kaya dengan hasil ______. Aktiviti ini dijalankan pada musim ______ dan musim bunga. Arus sejuk dan arus panas menggalakkan pertumbuhan plankton.

laut panas gandum

(c) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan aktiviti perikanan di Malaysia? TP6 KBAT Mencipta

Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan aktiviti perikanan di Malaysia adalah dengan menyediakan ______ yang lengkap. Contohnya pelabuhan yang dilengkapi dengan tempat menyimpan stok ikan yang banyak. Selain itu, mempelbagaikan produk yang diperbuat daripada ikan dan hasil laut. Contohnya, stik ikan dan otak-otak ikan.

Penggunaan ______ juga boleh digunakan dalam sektor perikanan di Malaysia. Antara ialah kaedah akuakultur bagi meningkatkan hasil tangkapan ikan. Teknologi marin pula digunakan untuk mewujudkan sangkar ternakan ikan di laut.

Kerajaan juga menyediakan latihan kemahiran khususnya untuk golongan belia bagi meningkatkan aktiviti perikanan. Antaranya kerajaan telah membina Kolej Perikanan Malaysia bertujuan menghasilkan tenaga ______ dalam bidang perikanan.

teknologi pakar kemudahan

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## 7.5 Zon Iklim Panas Sederhana

Buku Teks: m.s. 114 – 115

Graf berikut menunjukkan suhu dan hujan bulanan di Nanjing, China.




(a) Graf di atas berkaitan dengan iklim ____________ Julat siklon

(b) Apakah ciri-ciri iklim yang dinyatakan di (a)? TP 2

Hujan tahunan 508mm hingga 1520 mm, hujan turun dalam bentuk hujan ______. Min suhu tahunan ialah 15 darjah C, suhu musim panasnya sederhana panas iaitu 28 darjah C. ______ suhu tahunan melebihi 25 darjah C.

(c) Berikan tiga negara yang mengalami iklim yang dinyatakan di (a). TP 2

- Selatan China
- Korea Selatan
- Jepun Selatan

(d) Pada pandangan anda, apakah kelebihan negara yang mengalami iklim yang dinyatakan di (a)? TP 3 KBAT Mengaplikasi

Kelebihan negara yang mengalami iklim panas sederhana ialah negara tersebut mempunyai kawasan yang ______ dengan suhu sederhana menggalakkan aktiviti ______. Selain itu, aktiviti pertanian dan ______ sesuai dijalankan.

penternakan pelancongan cantik

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

7. Jelaskan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk yang mengalami iklim China. TP3

| Iklim | Kegiatan Ekonomi |
| --- | --- |
| China<br><br>sungai<br><br>khinzir<br><br>padi | **Pertanian**<br>Menanam tanaman ____, teh dan gandum. Lokasi penanaman padi di lembah ____ Yangtze, teh di lembangan Chang Jiang dan Xijiang serta gandum di Dataran China Tengah. |
| | **Penternakan**<br>Ternakan utama ialah ayam dan ____. Kawasan ternakan ayam di Shandong dan ternakan khinzir di Hunan, Henan, Anhui dan Shandung. |

## 7.6 Zon Iklim Panas

Buku Teks: m.s. 116– 117

Pernyataan berikut berkaitan iklim gurun panas.

**Suhu musim panas sangat panas, iaitu antara 32°C hingga 36°C.**

8. (a) Apakah kawasan yang mengalami iklim Gurun Panas? TP2

______________________________

(b) Nyatakan kegiatan ekonomi yang dijalankan di kawasan tersebut. TP3

unta

kurma

Kegiatan pertanian seperti menanam ____ dan penternakan seperti menternak ____ dan lembu.

(c) Bagaimanakah unta boleh hidup di kawasan Gurun Panas? TP3 KBAT Mengaplikasi

Unta mampu hidup di kawasan Gurun Panas kerana unta mempunyai bonggol di atas badannya yang boleh menyimpan ____ sehingga 120kg dan boleh ditukar kepada air yang mecukupi bagi menampung hidupnya di gurun pasir.

Selain itu, telinga unta yang dilitupi oleh bulu yang banyak dapat melindungi haiwan tersebut dalam ribut ____. Matanya mempunyai dua baris ____ mata yang boleh menghalang habuk daripada memasuki mata. Ekor unta dapat melindungi bahagian belakang unta daripada dimasuki habuk

Unta boleh bertahan sehingga suhu 41 darjah C dan membebaskan haba ke persekitaran pada waktu malam yang sejuk bagi mengekalkan jumlah air di dalam badannya.

bulu

pasir

lemak

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Soalan Esei

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1. (a) Nyatakan iklim yang dikategorikan di bawah zon panas.**

Iklim yang dikategorikan di bawah zon panas ialah iklim ____________, iklim Gurun Panas dan Iklim Monsum ________

Tropika    Khatulistiwa

**(b) Negara kita mengalami Iklim Khatulistiwa.**
**Jika diberi pilihan, adakah anda ingin kekal tinggal di Malaysia? Beri penjelasan anda.**

Ya., saya memilih untuk tinggal di Malaysia yang beriklim Khatulistiwa. Cuacanya yang panas dan lembap. Malaysia terletak di luar Lingkaran Api Pasifik, oleh itu Malaysia tidak mengalami bencana alam seperti gempa bumi. Malaysia mempunyai bentuk muka bumi yang menarik iaitu tanah tinggi, pulau dan pantai yang menarik contohnya Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Pantai Cherating.

Tidak., saya ingin bermigrasi ke negara lain. Ingin tinggal di negara yang mengalami 4 musim. Pemandangannya menarik, terutama ketika musim bunga dan luruh. Negara 4 musim menerima salji. Tumbuhan semula jadi dan hidupan liar pelbagai. Tumbuhan iklim Laurentia seperti Jarrah,Karri dan Sequoia.Hidupan liar iklim Laurentia seperti lynx, arnab artik dan musang artik

CamScanner
LIVEWORKSHEETS